

**PERSEMBAHAN LISAN SEMPENA SIMPOSIUM DAN BENGKEL SEKSUALITI DAN BUDI BAHASA ANTARABANGSA PERTAMA: TAJUK DAN ABSTRAK**

**TARIKH: 4.3.2020 (RABU) SESI 2.00 – 4.00 PETANG**

Topik yang dipersetujui semua untuk **persembahan lisan bebas** (free-paper presentation) selama **10 minit** setiap seorang termasuk Q&A dengan **maksimum 10 slaid** setiap persembahan:

No.	Tema/ Tajuk	Pembentang
<b>SATU. Seksualiti Manusia: Pengenalan, Sastera, Sejarah dan Perspektif Psikodinamika (BILIK LATIHAN 4, ARAS 4, WISMA DBP)</b>		
Hakim: <b>Profesor Dr. Marhani Midin (UKM) &amp; Profesor Madya Dr. Rosediani Muhamad (USM)</b>		
<b>1A</b>	Seksualiti dan Budi-Bahasa: Satu Pendahuluan	Dr. <b>Kanit Tha Deang</b> , Pendaftar, Jabatan Psikiatri, PPUKM <b>(Moderator)</b>
<b>2A</b>	Seksualiti dan Kerohanian Dalam Perspektif Islam	Dr. <b>Muna Hamiza Asiff</b> , Pensyarah Pelatih, Fakulti Sains Perubatan & Kesihatan, UniSZA
<b>3A</b>	Budi Bahasa Sendi Budaya: Seksualiti Wanita Melayu, Jambi, Indonesia	dr. <b>Mustika Yumi</b> , Residen, Fakultas Perubatan, Universiti Padjadjaran Bandung, Jawa Barat, Indonesia
<b>4A</b>	Merancang Keluarga: Hendak Seribu Daya dan Jika Tidak Mahu Seribu Dalih	Dr. <b>Nur Iwana Abdul Taib</b> , Pensyarah Pelatih, Fakulti Sains Perubatan & Kesihatan, Universiti Malaysia Sarawak, (UNIMAS) Kuching, Sarawak
<b>5A</b>	Disfungsi Seksual dan Faktor Berkaitan di Kalangan Ibu Yang Menyusu Secara Eksklusif di Malaysia	Dr. <b>Nurjasmine Aida Jamani</b> , Pensyarah Perubatan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kuantan, Pahang, Malaysia
<b>6A</b>	Tahap Pengetahuan, Sikap dan Amalan Terhadap Penyakit Kelamin Dalam Kalangan Lelaki Bandar di Malaysia	Dr <b>Abdul Rahman Ramdzan</b> <sup>1,2</sup> , Dr Siti Diyana Ibrahim <sup>1</sup> , Dr Aznida Mohamad Zaki <sup>1</sup> , Dr Nazatul Yusrina Mohamad Yusof <sup>3</sup> <sup>1</sup> Jabatan Kesihatan Masyarakat, Universiti Kebangsaan Malaysia <sup>2</sup> Jabatan Perubatan Masyarakat & Keluarga, Universiti Malaysia Sabah <sup>3</sup> Jabatan Kesihatan Masyarakat, Universiti Putra Malaysia
<b>7A</b>	Ketidakmampuan Berkelamin Selepas Perkahwinan: Sudut Pandangan Psikodinamika Perebutan Kuasa Di Bawah Sedar	Dr. <b>Najwa Hanim Md Rosli</b> , Dr. Rusyainie Ramli <sup>1</sup> Jabatan Psikiatri, Fakulti Perubatan, Universiti Islam Antarabangsa (UIA)

		<sup>2</sup> Bahagian Perkhidmatan Kesihatan, Angkatan Tentera Malaysia (ATM)
<b>8A</b>	Demi secangkir kasih: Seks dari perspektif remaja hamil tanpa nikah	<b>Nor Firdous Mohamed</b> , Jabatan Psikologi dan Kaunseling, Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris Perak
<b>DUA. Seksualiti dan Perubatan (BILIK LATIHAN 3, ARAS 4, WISMA DBP)</b>		
Hakim: <b>Profesor Madya Dr. Suzaily Wahab (UKM) &amp; Dr. Izzat Tajudin (USIM)</b>		
<b>1B</b>	Seksualiti dan Ekspresi Sensualiti di Kalangan Warga Emas: Di mana Ada Kemahuan Di Situ Ada Jalan	Dr. <b>Jane Lim Tze Yn</b> , Pensyarah Pelatih, Jabatan Psikiatri, PPUKM
<b>2B</b>	Menyegarkan Kupasan Dimensi Bio-psiko-sosial Dalam Rawatan Keinginan Seksual Wanita	Dr. <b>Nurul Ain Mohamad Kamal</b> , Pakar Klinikal, Jabatan Psikiatri, PPUKM Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia
<b>3B</b>	Cupak Tegak Yang Diisi: Gelora Berahi Kitaran Seksualiti yang Datang Silih Berganti	Dr. <b>Ng Eng-Teng</b> , Pegawai Perubatan, Jabatan Psikiatri, PPUKM, Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia
<b>4B</b>	Kecelaruan Tingkah-Laku Kompulsif Seksual (Compulsive Sexual Behaviour): Penyakit Baru Yang Bersekutu Dengan Penyakit Mental Yang Lain Dalam Memberi Cabaran Diagnosis di Indonesia	dr. <b>Givenchy Eunike Semen</b> , Doktor Perubatan, Fakultas Kedokteran, Universitas Indonesia & Rumah Sakit Cipto Mangunkusomo, Jakarta, Indonesia
<b>5B</b>	Hajat Hati Yang Tidak Kesampaian: Ejakulasi Prematung Dari Perspektif Perawatan Psikologi dan Psikofarmakoterapi	Dr. <b>Eu Choon Leng</b> , Pakar Klinikal, Jabatan Psikiatri, Pusat Perubatan UKM, Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia <b>(Moderator)</b>
<b>6B</b>	Kelestarian Hubungan Seksual Wanita dan Lelaki di Kalangan Pasangan Yang Menjalani Rawatan Kesuburan: Bagaimana Isi dan Kulit	Dr. <b>Mohd Faizal Ahmad</b> , Pensyarah, Jabatan Obstetrik & Ginekologi, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, 56000 Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia
<b>7B</b>	Menyelami Gelora Isteri Dara: Pendekatan Model PLISST Bagi Menangani Vaginismus dan Disfungsi Seksual Wanita	Dr <b>Nurul Azmi Mahamad Rapppek</b> , Ketua Klinik Warga Universiti Malaya (UM), Lembah Pantai, Kuala Lumpur, Malaysia

8B	Etika Pertimbangan Hipnosis Berdasarkan Kepada Pengalaman Traumatik Bersandarkan pada Vaginismus	dr <b>Hafid Algristian</b> , Pakar Psikiatri, Universiti Nahdlatul Ulama Surabaya, Jawa Timur, Indonesia
<b>TIGA. Seksualiti Manusia: Psikologi Mansia, Orientasi Seksual and Komunikasi Keluarga (BILIK LATIHAN 2, ARAS 4, WISMA DBP)</b>  Hakim: <b>Profesor Dr. Nik Hazlina Nik Hussain (USM) &amp; Profesor Madya Dr. Azlin Baharudin (UKM)</b>		
1C	Tahap Kebimbangan dan Cinta Berahi Yang Mendorong ke Arah Ketagihan Seks Di Kalangan Mahasiswa Lelaki di Lembah Klang, Malaysia	Dr. <b>Hilwa Abdullah @ Mohd. Nor &amp; Khuldiah Iman Mohd. Ghazali</b> , Pensyarah, Pusat Kajian Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM Bangi Selangor
2C	Cemburu dalam perhubungan seksual: Satu Pendekatan Kes Klinikal	dr. <b>Wijaya Taufik Tiji</b> , Pakar Psikiatri, Universiti Padjadjaran Bandung, Jawa Barat, Indonesia
3C	Menakluk <i>Sang Raksaksa Bermata Hijau</i> : Rawatan Psikofarmakologi dan Psikososial Menangani Masalah Cemburu Buta	Dr. <b>Farah Deana Abdul Samad</b> , Pensyarah Pelatih, Jabatan Psikiatri, PPUKM Cheras, Kuala Lumpur, Malaysia
4C	Hiperseksualiti yang diinduksi oleh rawatan Aripirazole: Siri Kes klinikal	dr. <b>Sugiarto Halim</b> , Residen, Fakultas Perubatan, Universiti Padjadjaran Bandung, Jawa Barat, Indonesia <b>(Moderator)</b>
5C	Komunikasi Antara Keluarga-Remaja Tentang Seks: Antara Keperluan dan Nilai Budi Bahasa Dalam Konteks Malaysia	Dr <b>Noor Azimah Muhammad</b> , Profesor Madya, Jabatan Perubatan Keluarga, Fakulti Perubatan UKM, Cheras 56000 Kuala Lumpur
6C	'Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT)': Antara Hak Individu dan Kesannya	Dr <b>Abdul Rahman Ramdzan</b> <sup>1,2</sup> , Dr Nur Ezdiani Mohamed <sup>1</sup> , Dr Siti Diyana Ibrahim <sup>1</sup> , Dr Rafidah Hanim Mohd Mokhtar <sup>3</sup> <sup>1</sup> Jabatan Kesihatan Masyarakat, Universiti Kebangsaan Malaysia; Kementerian Kesihatan Malaysia <sup>2</sup> Jabatan Perubatan Komuniti & Keluarga, Universiti Malaysia Sabah <sup>3</sup> Akademi Penyelidikan LGBT, Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), Universiti Sains Islam Malaysia
7C	Ibarat Menarik Rambut Dalam Tepung: Cabaran Perkahwinan Orientasi Campuran (Mixed Orientation Marriage) di Indonesia	dr. <b>Nicholas Hardi</b> , Doktor Perubatan, Fakultas Kedokteran, Universitas Indonesia & Rumah Sakit

		Cipto Mangunkusomo, Jakarta, Indonesia
<b>EMPAT. Seksualiti Manusia: Metodologi Penyelidikan, Sudut Psikososial dan Seksualiti Melalui Internet</b> <b>(BILIK LATIHAN 1, ARAS 4, WISMA DBP)</b>		
<b>Hakim: Profesor Dr. Shaiful Bahari Ismail &amp; dr. Elvine Gunawan (PDSKJI)</b>		
<b>1D</b>	Metodologi Kajian Disfungsi Seksual Wanita di Kalangan Pesakit Barah Serviks: Satu Pendekatan Melalui Ulasan/ Kajian Semula Sistemik	dr <b>Deo Purba</b> , Residen, Fakultas Perubatan, Universitas Padjadjaran Bandung, Jawa Barat, Indonesia <b>(Moderator)</b>
<b>2D</b>	Metodologi Kajian Disfungsi Seksual Wanita ke Atas Fungsi Seksual Lelaki - Kualiti Kehidupan dan Kepuasan Seksual: Satu Pendekatan Melalui Ulasan/ Kajian Semula Sistemik	Dr <b>Natasya Abdullah</b> , Pakar Farmakologi, Fakulti Perubatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Selangor, Malaysia
<b>3D</b>	Metodologi Kajian Hubungan Antara Trait Personaliti Dengan Disfungsi Seksual Wanita di Klinik Kesihatan Primer, Melaka, Malaysia	Dr <b>Wan Saffana Wan Mohtar</b> , Doktor Pascasiswazah, Fakulti Perubatan Universiti Teknologi MARA, UiTM, Sungai Buloh, Malaysia
<b>4D</b>	Sexting dan Permasalahan Emosi-Tingkah laku di Kalangan Remaja Bandar: Satu Perpektif Psikososial	dr. <b>Isa Multazam</b> , Pakar Psikiatri Kanak-kanak & Remaja, Rumah Sakit Jiwa Dr. Soeharto Heerdjan, Grogol, Jakarta, Indonesia
<b>5D</b>	Seks, Hubungan dan Keintiman Selepas Pasangan Menimang Cahaya Mata di Indonesia	dr. <b>Angke Rafalrizki</b> , Residen, Fakultas Perubatan, Universitas Padjadjaran Bandung, Jawa Barat, Indonesia
<b>6D</b>	Aspek Psikososial dan Budaya Terhadap Fenomena Poligami: Satu Tinjauan Literatur	dr. <b>Qurrota Ayun</b> , Residen, Fakultas Perubatan, Universitas Padjadjaran Bandung, Jawa Barat, Indonesia
<b>7D</b>	Potensi campuran zat aprodisiak alamiah dari Indonesia untuk pengobatan disfungsi seksual	dr. <b>Andi Takwa</b> <sup>1</sup> , dr. Yusuf Bachmid <sup>2</sup> , <sup>1</sup> Pakar Anestesiologi, Hospital Umum Fatmawati, Jakarta Indonesia; <sup>2</sup> Klinik Inayah Amanah, Makassar, Sulawesi Selatan
<b>8D</b>	Dilema lelaki 'mati pucuk' malam pertama	Dr. <b>Mohd Ismail Tambi</b> EAA. Klinik Kesejahteraan Lelaki, Damai Service Hospital, Kuala Lumpur

## ABSTRAK PERSEMBAHAN LISAN

No.	Tema/ Tajuk	Pembentang
<b>SATU. Seksualiti Manusia: Pengenalan, Sastera, Sejarah dan Perspektif Psikodinamika (BILIK LATIHAN 4, ARAS 4, WISMA DBP)</b> <b>Hakim: Profesor Dr. Marhani Midin (UKM) &amp; Profesor Madya Dr. Rosediani Muhamad (USM)</b>		
1A	<p><b>Seksualiti dan Budi-Bahasa: Satu Pendahuluan</b></p> <p>Perbincangan mengenai isu seksualiti dalam perspektif dunia perubatan dianggap sebagai sesuatu yang sukar diterima oleh masyarakat, walaupun kini di dunia era teknologi maklumat. Istilah dan persektif seks dan seksualiti berbeda dari seorang individu ke individu yang lain disebabkan oleh perbezaan dan pengaruh budaya, agama dan nilai-nilai yang telah diserap ketika membesar dalam sistem keluarga dan persekitaran. Seks telah digambarkan sejak berzaman melalui Al-Qur'an, dalam <i>Surah al-Nisa'</i> ayat 4:1; ajaran Tao; serta manuskrip India purba. Rata-rata menerangkan tentang kesucian dan rahmat dalam perlakuan seks, seterusnya dapat memupuk keharmonian dan kasih sayang dalam hubungan sesama insan.</p>	<p>Dr. Kanit Tha Deang</p> <p><b>Kata kunci (KK): Seksualiti, nilai, budaya, agama</b></p>
2A	<p><b>Seksualiti dan Kerohanian Dalam Perspektif Islam</b></p> <p>Seksualiti dalam Islam adalah satu perspektif yang jarang dibicarakan walaupun isu tentangnya banyak dibincangkan di dalam kitab suci Al-Quran dan Hadis. Islam juga sangat menggalakan perkahwinan dan memberi ganjaran kepada seorang suami sekiranya beliau melaksanakan perhubungan seksual dengan pasangannya. Walaupun begitu, perhubungan seksual di luar pernikahan dan sesama jantina tidak diterima dalam Islam dan boleh menjadikan seseorang itu mendapat dosa dan kemurkaan Allah sebagaimana yang disebut dalam Al-Quran di mana Allah melarang pezinaan dan melaknat golongan homoseksual pada Zaman Nabi Lut. Didalam sebuah mahligai perkahwinan dalam Islam, tujuan hubungan seksual adalah bukan hanya untuk melempiaskan nafsu berahi semata-mata tetapi untuk memastikan ketenangan dan kasih sayang dan pertambahan zuriat dalam sebuah keluarga dapat tercapai. Oleh itu, hubungan seksual yang berlandaskan agama amat dititik beratkan dan sangat berkait rapat dengan isu kerohanian. Ianya adalah sebahagian daripada ibadah sekiranya ia berlandaskan apa yang digariskan dalam Islam.</p>	<p>Dr. Muna Hamiza Asiff</p> <p><b>KK: Seksualiti, kerohanian, Islam, ibadat</b></p>
3B	<p><b>Budi Bahasa Sendi Budaya: Seksualiti Wanita Melayu, Jambi, Indonesia</b></p> <p>Keberagaman suku, agama, dan budaya dari berbagai provinsi di Indonesia menjadikan bangsa Indonesia sangatlah unik. Salah satunya adalah budaya melayu Jambi. Sejalan dengan perubahan zaman, saat ini</p>	<p>dr. Mustika Yumi</p> <p><b>KK: Melayu, Jambi, Seksualitas, Perempuan</b></p>

	<p>banyak terjadi pergeseran nilai-nilai budaya masyarakat Melayu Jambi. Salah satunya adalah banyaknya kekerasan seksual yang terjadi, terutama pada perempuan. Tujuan dari studi ini adalah untuk mengetahui pengaruh budaya Melayu terhadap seksualiti wanita di provinsi Jambi. Metodologi yang digunakan adalah melalui kajian literatur. Data diperoleh dari berbagai sumber seperti buku rujukan, jurnal, dan prosiding seminar yang mengungkapkan tentang budaya melayu Jambi dan seksualiti wanita. Data tersebut dianalisis dengan menggunakan teknik deskriptif analitis dengan pola pikir induktif. Hasil studi menunjukkan bahwa seloko adat yang berlaku di masyarakat Jambi yaitu "adat bersendi syara', syara' bersendi kitabullah, syara' mengato, adat memakai' telah menjadi ruh dalam membangun karakter masyarakat melayu Jambi. Adat dan budaya melayu Jambi yang beriman membentuk perempuan Jambi memiliki kehalusan budi bahasa, bertutur dan berpakaian dengan adab sopan santun. Sedangkan budaya matrilineal yang dianut masyarakat melayu Jambi, dimana kedudukan perempuan sebagai pemegang kunci harta pusaka, menyebabkan perempuan di Jambi memiliki posisi cukup tinggi dan dihormati. Hal-hal tersebut secara tidak langsung menciptakan kondisi dimana laki-laki harus berusaha lebih keras untuk memperolehi seks dari wanita.</p> <p>Berdasarkan hasil studi literatur ini maka dapat disimpulkan bahwa seksualitas perempuan Jambi dilihat dari dimensi gender, sosial, budaya, spiritual, etika dan moral yang berlaku di masyarakat, sangat dipengaruhi oleh kearifan tempatan dan adat istiadat yang tercermin dalam ritual dan tradisi yang masih terpelihara hingga kini.</p>	
4B	<p><b>Merancang Keluarga: Hendak Seribu Daya dan Jika Tidak Mahu Seribu Dalih</b></p> <p>Berbincang tentang hal seksualiti sudah pasti isu pembiakan dan pembentukan keluarga menjadi perkara paling penting bagi suatu pasangan. Namun begitu, untuk memastikan keluarga yang dibentuk adalah berkualiti, kita haruslah berkebolehan untuk merancang bilangan kelahiran anak dengan bijak agar anak yang lahir dapat menerima pendidikan dan kasih sayang yang secukupnya daripada ibu bapa. Dari zaman generasi terdahulu, kaedah merancang keluarga semula jadi telah digunakan untuk mengelak kehamilan namun kadar keberkesannya rendah. Kini pelbagai kaedah kontraseptif moden yang lebih berkesan wujud bagi memudahkan pasangan merancang keluarga dengan jayanya. Kaedah moden tersebut boleh bersifat sementara atau kekal, atau menggunakan hormon atau tidak. Kepelbagaianya membolehkan pasangan membuat pilihan yang sesuai dengan keadaan mereka. Melalui kaedah kontraseptif dan teknik persenyawaan tanpa hubungan kelamin isu seksualiti tidak lagi dikaitkan sepenuhnya dengan pembiakan manusia dan begitu juga sebaliknya. Melalui arus pemodenan manusia sudah semakin mampu merancang kehidupan seksual mereka supaya lebih teratur.</p>	<p>Dr. Nur Iwana Abdul Taib</p> <p><b>KK: Pemiakan, kontraseptif, seksualiti</b></p>
5C	<p><b>Disfungsi Seksual dan Faktor Berkaitan di Kalangan Ibu Yang Menyusu Secara Eksklusif di Malaysia</b></p> <p>Disfungsi seksual adalah lazim di kalangan wanita dan penyebabnya dikaitkan dengan pelbagai faktor. Kajian ini bertujuan untuk menilai disfungsi seksual dan faktor-faktor yang berkaitan di kalangan wanita yang menyusukan bayi secara eksklusif selepas melahirkan anak. Wanita</p>	<p>Dr. Nurjasmine Aida Jamani</p> <p><b>KK: Disfungsi seksual wanita, penyusuan susu ibu</b></p>

	<p>yang menyusukan bayi secara eksklusif dan telah melahirkan anak dalam tempoh 6 bulan sebelumnya telah dijemput untuk mengambil bahagian dalam kajian ini. Satu soal selidik termasuk bahagian latar belakang dan institusi soal-selidik swa-laporan versi Bahasa Melayu Fungsi Fungsi Seksual Perempuan (MVFSFI) telah digunakan. Seramai daripada 197 wanita dianalisis. Hasil dapatan menunjukkan lebih daripada satu pertiga wanita (37.6%) melaporkan bahawa mereka telah mengalami disfungsi seksual semasa 6 bulan pertama yang menyusukan bayi secara eksklusif. Jenis disfungsi seksual yang paling kerap yang dilaporkan oleh wanita yang terlibat adalah gangguan pelinciran lubang faraj (53.3%), gangguan kesakitan ketika seks (49.7%) dan gangguan keinginan mengadakan seks (41.1%). Kami tidak mendapati korelasi antara disfungsi seksual dengan umur, pariti, cara kelahiran dan tempoh penyusuan di kalangan wanita yang terlibat dalam kajian. Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa kelaziman disfungsi seksual wanita adalah sederhana di kalangan wanita yang menyusu secara eksklusif. Kepuasan seksual harus digalakkan untuk dibincangkan semasa lawatan selepas ibu bersalin bagi penjagaan kesihatan yang terbaik.</p>	
6C	<p><b>Tahap Pengetahuan, Sikap dan Amalan Terhadap Penyakit Kelamin Dalam Kalangan Lelaki Bandar di Malaysia</b></p> <p>Penyakit kelamin adalah penyakit yang tersebar melalui hubungan kelamin dan boleh juga merebak melalui darah dan bendalir tubuh badan. Lelaki yang tinggal di Bandar mempunyai risiko yang tinggi untuk dijangkiti oleh penyakit kelamin melalui aktiviti seksual. Maklumat mengenai tahap pengetahuan, sikap dan amalan dalam kalangan lelaki bandar mengenai penyakit kelamin adalah terhad. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap pengetahuan, sikap dan amalan terhadap penyakit kelamin dalam kalangan lelaki bandar. Satu kajian intervensi telah dijalankan di sebuah masjid di bandar Seremban dalam kalangan 30 orang lelaki berusia 18-75 tahun untuk menentukan tahap ini. Ceramah kesihatan seksual dan perbincangan berkumpulan terarah telah dilakukan kepada mereka. Borang soal selidik yang terdiri daripada komponen pengetahuan, sikap dan amalan meliputi 6 dimensi iaitu penyakit kelamin, gejala penyakit, penularan penyakit kelamin, pencegahan, sikap dan amalan telah digunakan sebelum dan selepas intervensi dijalankan. Analisis kajian menggunakan paired t test. Dapatan: Seramai 30 orang responden telah terlibat dalam kajian ini dengan min umur 50 tahun (SD: 16.75). Majoriti daripada responden telah berkahwin (96.70%). Min usia perkahwinan responden adalah 23 tahun (SD: 16.19) dengan min jumlah bilangan anak 3 orang (SD: 1.72). Purata pengetahuan responden didapati meningkat setelah intervensi, manakala sikap dan amalan responden didapati tidak meningkat. Perbezaan purata pengetahuan sebelum dan selepas intervensi adalah 5.4 (CI: -0.05- 0.25). Kesimpulannya, tahap pengetahuan, sikap dan amalan terhadap penyakit kelamin dalam kalangan lelaki bandar adalah baik namun intervensi yang dijalankan tidak meningkatkannya secara signifikan. Kajian ulangan perlu dilakukan dalam sela waktu yang lebih lama bagi melihat perubahan yang signifikan.</p>	<p>Dr Abdul Rahman Ramdzan et al</p> <p><b>KK: STD, Pengetahuan, Amalan, Sikap</b></p>

7C	<p><b>Ketidakmampuan berkelamin selepas perkahwinan: Sudut pandangan psikodinamika</b></p> <p>Kes yang dibentangkan berkaitan dengan sepasang suami isteri yang gagal melakukan hubungan seksual untuk beberapa tahun pertama perkahwinan mereka, dan pada tahun-tahun seterusnya sepanjang perkahwinan mereka, mereka hanya mampu melakukannya untuk beberapa kali. Mereka berdua akhirnya berpisah memandangkan masalah seksual mereka berpanjangan yang menyebabkan ketidakharmonian dalam rumahtangga mereka. Walaubagaimana pun, kedua-dua masalah seksual yang dihadapi mereka selesai setelah mereka berkahwin lain. Faktor-faktor yang menyebabkan kegagalan untuk mereka menyelesaikan masalah seksual mereka dan bagaimana kesemua faktor ini memberi kesan ke atas mereka dalam pemilihan pasangan baru dibincangkan dari sudut pandangan psikodinamika.</p>	<p>Dr. Najwa Hanim Md Rosli, Dr. Rusyainie Ramli</p> <p><b>KK: Ketidakmampuan berkelamin, masalah rumah tangga, sudut psikodinamika</b></p>
8C	<p><b>DEMI SECANGKIR KASIH: SEKS DARI PERSPEKTIF REMAJA HAMIL TANPA NIKAH</b></p> <p>Kehamilan terhasil melalui satu proses persenyawaan di antara dua benih sepasang teruna dan dara. Walaubagaimanapun, remaja hamil tanpa nikah dalam kajian ini yang diibarat seperti seekor burung yang terkulai sayapnya untuk terbang dan remuk paruhnya untuk bertongkat tegak kerana terlalu hanyut dengan gelombang nafsu cinta yang dijanjikan kekasih yang tidak setia, dan akibatnya bukan setakat habis madu sepah dibuang malahan, hingga melahirkan insan suci yang tidak berbapa. Metod kajian ini adalah berbentuk kajian temubual kualitatif secara individu di Hospital Besar Kuala Lumpur. Subjek kajian yang dipilih terdiri daripada 11 orang wanita hamil tanpa nikah yang berumur dari 12 hingga 27 tahun tetapi telah terlibat dengan perilaku seks luar nikah sejak remaja. Analisa secara tematik melalui peringkat iteratif menghasilkan beberapa tema utama yang menjelaskan pandangan seks dari perspektif remaja hamil tanpa nikah iaitu keretakan rumahtangga ibu bapa, terabai dan tidak mendapat perhatian ibu bapa, mencari objek cinta dan kasih sayang, konflik fasa akil baligh dan ketagihan seks di luar tabii'. Pembinaan modul untuk remaja tanpa nikah agar mereka dapat membina hidup yang baru dan mengelakkan diri dari terjebak dari menjadi mangsa amat diperlukan. Kerjasama dari pelbagai institusi Kerajaan, swasta dan badan-badan NGO melalui program seperti pendidikan keibu-bapaan, komunikasi efektif ibu bapa dan anak remaja, seksualiti remaja, dan pendidikan seks dari pendidikan awal kanak-kanak ditengahkan selain memperkasakan institusi kekeluargaan di era ini.</p>	<p>Nor Firdous Mohamed</p> <p><b>KK: Remaja hamil tanpa nikah, Ibu tanpa nikah, Seks dan Remaja, Malaysia.</b></p>
<p><b>DUA. Seksualiti dan Perubahan (BILIK LATIHAN 3, ARAS 4, WISMA DBP)</b></p> <p><b>Hakim: Profesor Madya Dr. Suzaily Wahab (UKM) &amp; Dr. Izzat Tajudin (USIM)</b></p>		
1B	<p><b>Seksualiti dan Ekspresi Sensualiti di Kalangan Warga Emas: Di mana Ada Kemahuan Di Situ Ada Jalan</b></p> <p>Warga emas merupakan golongan umur 65 tahun dan ke atas mengikut banyak definisi. Walau bagaimanapun, Pertubuhan Kesihatan Sedia</p>	<p>Dr. Jane Lim Tze Yn</p> <p><b>KK: Seksualiti, warga emas, perubahan biopsikofisiologi</b></p>



	<p>(World Health Organization, WHO) mentakrifkan bahawa tahap umur 55 tahun ialah peringkat meniti usia warga emas, golongan yang teristimewa. Pada peringkat ini, terdapat banyak perubahan biopsikofisiologi yang terjadi. Antaranya, yang paing penting ialah sering berlakunya mordibiti penyakit fizikal seperti kencing manis dan hipertensi. Komplikasi penyakit juga sering kedapatan. Pada tahap ini, kebanyakan daripada isu dan konflik kewangan dan perlindungan (rumah tempat berteduh) telah dapat diselesaikan. Walau bagaimanapun, dengan perubahan-perubahan fizikal yang berlaku, seperti kurangnya kudrat kekuatan, masalah ingatan serta kesihatan tubuh badan. Begitu juga, dari segi seksual, golongan usia tua mengalami ereksi yang lambat bagi lelaki, dan wanita pula akan mengalami putus-haid serta akan memberi dampak dari segi pelinciran pada lubang faraj semasa melakukan jimak. Pelbagai perubahan serta isu mengenai seksualiti pada warga emas akan dibincangkan.</p>	
2B	<p><b>Menyegarkan Kupasan Dimensi Bio-psiko-sosial Dalam Rawatan Keinginan Seksual Wanita</b></p> <p>Hasrat seksual merangkumi motivasi dan keinginan yang kompleks. Dalam konteks seni sains biologi dan kognitif-emotif, ia sering menjadi bidang yang diabaikan dalam bidang perubatan. Kajian mengenai rawatan untuk fungsi seksual wanita kurang mendapat perhatian berbanding dengan seksualiti lelaki. Baru-baru ini, terdapat revolusi ubat-ubatan yang dapat merawat wanita dengan hasrat seksual yang rendah. Sekarang adalah masanya untuk mengkaji pendekatan biologi yang relevan, terutamanya dalam konteks farmakoterapi untuk memahami entiti klinikal ini yang dimodulasi oleh interaksi antara faktor-faktor psikososial. Interaksi yang kompleks antara faktor-faktor dengan pelbagai dimensi ini memberi pencerahan untuk memahami mekanisme neural (lalu pusat ganjaran dan interaksinya dengan stimulasi psikososial luaran; hubungan atau lain-lain peristiwa kehidupan yang bermakna). Fungsi hormon seperti oksitosin atau testosteron telah dijelaskan. Peranan neurotransmitter seperti yang digambarkan dengan introduksi molekul flibenserin yang merupakan agonis penuh 5-HT<sub>1A</sub> dan agonis D<sub>4</sub>, dalam merawat wanita pra menopaus juga telah dibincangkan. Berdasarkan pengetahuan teras saintifik asas ini, kami mencadangkan garis panduan mengenai <i>know-how</i> dalam pengenalan terapi seks (iaitu batin diri dan luar-diri) di mana peranan pasangan dirikan. Kami juga menekankan penggunaan ejen farmakologi sebagai terapi adjung, iaitu perencat fosfodiesterase-5 (PDE-5) dan rawatan hormon dalam membantu pesakit dengan hasrat seksual yang rendah.</p>	<p>Dr. Nurul Ain Mohamad Kamal</p> <p><b>KK: hasrat seksual wanita, mekanisme neural, dimensi psikososial</b></p>

<p>3B</p>	<p><b>Cupak Tegak Yang Diisi: Gelora Berahi Kitaran Seksualiti yang Datang Silih Berganti</b></p> <p>Model tindak balas kitaran seksual manusia (MTPKKSM) merupakan suatu kitaran tindak balas dari perspektif fisiologi, kognitif dan emosi yang dilalui oleh wanita atau lelaki sebagai satu respons terhadap pengalaman hubungan seksual. Ia dicirikan dengan perubahan-perubahan fizikal pada diri seseorang (seperti peningkatan tekanan darah, nadi dan kadar penafasan), minda (keghairahan, keseronokan dan kepuasan) serta pencapaian dari segi kognitif (keintiman dan berfikiran positif). Terdapat banyak teori yang boleh menerangkan situasi ini sama ada melalui teori Masters and Johnson, Kaplan Helen Singer, Shnarch dan Basson. Mengikut Masters and Johnson (1966), kitaran tindak balas seksual manusia dicirikan dalam 4 fasa, iaitu : fasa pemanasan, fasa mendatar, fasa kepuasan dan resolusi. Mengikut Kaplan(1975), beliau mencadangkan konsep kehendak ataupun hasrat seksual merupakan komponen penting dalam kitaran ini. Seterusnya, David Schnarch (1984, 1997), mengutarakan konsep swa-bezaan (self differentiation) sebagai satu elemen penting dalam kitaran ini. Teori bulatan pula yang dicadangkan oleh Basson (2004) memasukkan elemen intiman sebagai satu asas yang penting dalam kitaran seksualiti. Teori bulatan cadangkan bahawa fasa perubahan dalam kitaran adalah bersifat dua arah (bidirectional) tidak seperti Masters dan Johnson (1966) dan Kaplan (1975). Di dalam pematangan ini, kita akan menghuraikan dengan lebih lanjut tentang MTPKKSM ini.</p>	<p>Dr. Ng Eng-Teng</p> <p><b>KK: Model tindak balas kitaran seksual manusia, Masters dan Johnson, Kaplan, teori Bulatan, swa-bezaan</b></p>
<p>4B</p>	<p><b>Kecelaruhan Tingkah-Laku Kompulsif Seksual (Compulsive Sexual Behaviour Disorder): Penyakit Baru Yang Bersekutu Dengan Penyakit Mental Yang Lain Dalam Memberi Cabaran Diagnosis di Indonesia</b></p> <p>Gangguan Perilaku Seksual Kompulsif (CSBD) baru-baru ini telah ditetapkan oleh WHO sebagai diagnosis baru dan memasuki klasifikasi gangguan kawalan impuls dalam Penyakit Klasifikasi Antarabangsa-11 (ICD-11). Walau bagaimanapun, perdebatan wujud mengenai klasifikasi CSBD. Misalnya, adakah CSBD sebagai gangguan impulsif-kompulsif, ciri gangguan parafilia, kemurungan, ketagihan, atau sepanjangnya perilaku seksual normatif (bersifat normal)? Psikopatologi CSBD ialah khayalan seks yang berlebihan sehingga ia merupakan pola kegagalan yang berterusan untuk mengawal impuls atau dorongan seksual yang berulang-ulang, yang mengakibatkan tingkah laku seksual berulang-ulang. Data epidemiologi gangguan ini tidak dikumpulkan secara meluas, tetapi jangkakan prevalens gangguan kompulsif seks adalah sekitar 3% - 6%, dan majoriti penyakit bermula pada masa dewasa muda. Gejala-gejala psikopatologi yang tidak kelihatan mungkin menjejaskan fungsi dan aktiviti pesakit. Pelbagai gejala tingkah laku yang serupa dengan gangguan psikiatri lain boleh terjadi. Di Indonesia, pesakit jarang datang ke klinik untuk berunding mengenai masalah ini kerana isu-isu mengenai kelakuan seksual adalah pantang larang di sesetengah tempat. Sebaik mungkin agar dijaga supaya ada privasi dan kerahsiaan aktiviti seksual yang kompulsif ini. Pesakit cenderung untuk memperbetulkan masalah ini dari semasa ke semasa dengan cara mereka sendiri. Ini boleh menjadi cabaran bagi perawat psikiatri Indonesia untuk mendiagnosis gangguan yang dikelaskan dalam klasifikasi baru ini. Justeru tidak hairanlah ia boleh muncul sebagai gejala gangguan lain termasuk merasa bersalah pesakit untuk mengakui penyakit beliau dan mencari pertolongan.</p>	<p>dr. Givenchy Eunike Semen</p> <p><b>KK: Gangguan Perilaku Seksual Kompulsif, CSBD, Penyakit Baru, ko-morbiditi</b></p>

<p>5B</p>	<p><b>Hajat Hati Yang Tidak Kesampaian: Ejakulasi Prematang Dari Perspektif Perawatan Psikologi dan Psikofarmakoterapi</b></p> <p>EP merupakan suatu penyakit perubatan yang kerap berlaku di kalangan lelaki. Ia dikategorikan sebagai disfungsi seksual lelaki yang paling banyak ditemui serta dilaporkan dalam sesi temujani klinik perubatan. Ia dicirikan dengan pancutan air mani atau ejakulasi yang berlaku lebih awal daripada yang sepatutnya, bagi memberi kepuasan kepada pasangan, apabila seseorang itu mengadakan perhubungan seksual. Penyakit ini memberi tekanan kepada penderita serta pasangannya. Ini disebabkan oleh kegagalan perhubungan seksual dalam perkahwinan dan/atau jaminan perhubungan suami-isteri yang harmonis. Sayugia harus diingatkan bahawa berlakunya EP ini tidak diketahui secara jelas, namun beberapa penjelasan bersifat patoetiologi boleh diterangkan termasuklah interaksi faktor yang kompleks di antara sistem saraf manusia dan minda. Peranan neurotransmitter seperti serotonin, nitrik oksid, enzim <i>phosphodiesterase</i> dan lain-lain turut dibincangkan. Rawatan untuk EP selalunya berlaku secara serentak dengan permasalahan seksual yang lain, terutama sekali disfungsi erektil (DE). Rawatan ubatan dengan <i>selective serotonin reuptake inhibitors</i> (SSRIs) dan <i>Dapoxetine</i> juga diuraikan secara terperinci. Strategi rawatan melibatkan pendekatan yang komprehensif dan keseluruhan dengan menerapkan kedua-dua aspek psikofarmakologi dan terapi kognitif-tingkahlaku (cognitive-behavior therapy, CBT) juga diulas. Perbincangan ini akan menyentuh mengenai integrasi sistem saraf hipotalamo-neuronal dan sirkuit emosi. Etiologi dan rawatan untuk pesakit yang mengalami EP turut dibincangkan.</p>	<p>Dr. Eu Choon Leng</p> <p><b>KK: Terapi kognitif-tingkahlaku, patofisiologi, pramatang, dopoxetine ejakulasi SSRI,</b></p>
<p>6B</p>	<p><b>Kelestarian Hubungan Seksual Wanita dan Lelaki di Kalangan Pasangan Yang Menjalani Rawatan Kesuburan: Bagaikan Isi dan Kulit</b></p> <p>Fungsi seksualiti dikalangan pasangan adalah perkara yang jarang dikupas namun seringkali menjadi punca kedinginan dalam alam rumah tangga. Justeru kajian ini adalah untuk menilai sejauh mana hubungkait kefungsi seksualiti di antara suami dengan isteri yang menjalani rawatan kesuburan di universiti hospital di Malaysia. Kajian ini dijalankan secara keratan rentas di Pusat Rawatan Kesuburan Pusat Perubatan UKM. Semua pasangan yang memenuhi kriteria dan berminat menjadi responden telah diberikan kertas kajian soal jawab Indeks Fungsi Seksual Wanita (MVFSFI) versi bahasa melayu dan kertas kajian soal jawab Indeks Fungsi Ketegangan Lelaki Antarabangsa (IIEF) versi bahasa melayu. Seterusnya kertas kajian ini dianalisa untuk mengkaji perihal hubungkait fungsi seksualiti dikalangan responden. Seramai 269 responden telah menyertai kajian ini (150 perempuan dan 119 lelaki). Secara keseluruhannya, keupayaan fungsi seksual di antara lelaki dan wanita mempunyai hubungkait yang sederhana (<math>r=0.0574</math>). Kebangkitan nafsu wanita dan kepuasan seksual wanita pula mempunyai hubungkait yang tertinggi (<math>r=0.522</math> dan <math>r=0.507</math>) secara keseluruhannya untuk skor IIEF. Namun, kepuasan seksual lelaki (IS) pula didapati lebih tinggi dalam analisa hubungkait (<math>r=0.574</math>) berbanding wanita dalam skor MVFSFI secara keseluruhannya. Natijahnya, hubungkait diantara fungsi seksual diantara lelaki dan wanita adalah kuat. Kesimpulannya, melalui kajian ini, keupayaan seksual di antara lelaki dan wanita sememangnya mempunyai</p>	<p>Dr. Mohd Faizal</p> <p><b>KK: Fungsi seksual, kesuburan, kepuasan seksual</b></p>

	<p>hubung kait yang rapat namun ianya melibatkan pelbagai faktor justeru menjadikan ia sesuatu yang kompleks.</p>	
7B	<p><b>Menyelami Gelora Isteri Dara: Pendekatan Model PLISST Bagi Menangani Vaginismus dan Disfungsi Seksual Wanita</b></p> <p>Vaginismus boleh dirawat tetapi mempunyai situasi keadaan perubatan takut-elak yang mungkin tidak memerlukan prosedur invasive tetapi mempunyai kejayaan rawatan yang cemerlang, sehingga dilaporkan sebanyak 90%). Model PLISSIT, iaitu yang berdasarkan kepada P = <i>Permission</i>, atau keizinan merupakan suatu Intipati terapi seks seantero dunia dalam dunia terapi seks. LI = <i>Limited Information</i>, iaitu langkah bagi memberi pendidikan seksual serta menerangkan kitaran seksualiti manusia amat penting, terutama sekali bagi menerapkan kefahaman tentang perubahan psikiofisiologi tubuh badan. Dalam SS = <i>Specific Suggestions</i>, dengan pendekatan rawatan khusus seperti terapi sedar-akal, komunikasi berkesan, terapi kognitif serta pendekatan kaunseling boleh membantu pesakit 'isteri dara' – wanita berkahwin yang tidak pernah disetubuhi oleh suaminya. Akhirnya, rujukan bagi mendapatkan rawatan professional, iaitu IT = <i>Intensive Therapy</i> akan membantu keberkesanan rawatan berkekalan sehingga setahun dengan hanya menggunakan kaedah senaman penetrasi vagina.</p>	<p>Dr Nurul Azmi Mahamad Rappak</p> <p><b>KK = Vaginismus, Model PLISST, kejayaan</b></p>
8B	<p><b>Etika Pertimbangan Hipnosis Berdasarkan Kepada Pengalaman Traumatik Bersandarkan pada Vaginismus</b></p> <p>Universiti Nahdlatul Ulama Surabaya</p> <p>Hipnosis (dan hipnoterapi) telah digunakan secara meluas untuk pendekatan rawatan untuk vaginismus. Orang Indonesia cenderung untuk mencari rawatan yang tidak invasif namun mengharapkan hasil dengan kadar segera. Seseengah hipnotis (pengamal hipnosis / hipnoterapi) adalah pakar psikiatri atau doktor perubatan, tetapi kebanyakannya adalah pengamal tanpa latar belakang perubatan. Ketidaktahuan hubungan antara aduan vaginismus (subjektif) dan latar belakang psikologi / perubatan (objektif) sebenarnya meningkatkan risiko efek sampingan pada pesakit. Salah satu kesan sampingan yang diketahui ialah pemendakan pengalaman traumatik masa lalu yang akan memburukkan lagi keadaan pesakit, dan membezakan terapi sasaran. Hipnotis sering mengutamakan keputusan optimum dengan sesi yang sangat pendek. Diandaikan bahawa kesan sampingan adalah proses separuh hala kepada 'kesejahteraan jiwa'. Kajian ini membentangkan tiga kes vaginismus yang sebelum ini telah menjadi "hipnotis belanja" sehingga akhirnya mencapai penulis untuk sesi hipnosis. Kes-kes akan dibincangkan secara mendalam mengenai kesan terapeutik potensi dan kesan sampingan yang diketahui yang boleh digunakan sebagai pertimbangan etika hipnosis untuk vaginismus</p>	<p>Dr Hafid Algriatian</p> <p><b>KK = Hipnosis, vaginismus, etika</b></p>
<p><b>TIGA. Seksualiti Manusia: Psikologi Manusia, Orientasi Seksual and Komunikasi Keluarga (BILIK LATIHAN 2, ARAS 4, WISMA DBP)</b></p> <p><b>Hakim: Profesor Dr. Nik Hazlina Nik Hussain (USM) &amp; Profesor Madya Dr. Azlin Baharudin (UKM)</b></p>		

<p>1C</p>	<p><b>Tahap Kebimbangan dan Cinta Berahi Yang Mendorong ke Arah Ketagihan Seks Di Kalangan Mahasiswa Lelaki di Lembah Klang, Malaysia</b></p> <p>Kajian ini dijalankan adalah untuk melihat perhubungan antara ketagihan seksual, kebimbangan dan cinta berahi dan meneroka bagaimana kebimbangan dan cinta berahi mendorong kepada berlakunya ketagihan seksual terhadap seseorang individu. Kajian ini dilakukan ke atas mahasiswa lelaki berumur di antara 18 hingga 27 tahun yang sedang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Seramai 150 mahasiswa lelaki di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di sekitar Lembah Klang terlibat dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan tiga borang soal selidik iaitu <i>Beck's Anxiety Scale</i> (21 Items) bagi mengukur kebimbangan, <i>Passionate Love Scale</i> (30 Items) untuk mengukur cinta berahi dan <i>Sexual Addiction Scale-Revised</i> (45 Items) untuk mengukur tahap ketagihan seksual seseorang individu. Kaedah persampelan konvinien menggunakan pendekatan kuantitatif digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kebimbangan dan cinta berahi dengan ketagihan seksual dikalangan mahasiswa lelaki. Hubungan cinta berahi dan ketagihan seksual juga dilihat mempunyai korelasi yang tinggi dan positif dimana apabila cinta berahi meningkat, ketagihan seksual juga meningkat. Oleh yang demikian, kajian ini mengharapkan bahawa ketagihan seks dapat dibendung dalam kalangan mahasiswa lelaki dengan mengawasi tahap kebimbangan dan cinta berahi seseorang individu dari awal supaya kes-kes jenayah seksual dapat dikurangkan pada masa hadapan..</p> <p><b>Kata kunci:</b> Ketagihan seksual, kebimbangan, cinta berahi, mahasiswa lelaki</p>	<p>Dr. Hilwa Abdullah @ Mohd. Nor &amp; Khuldiah Iman Mohd. Ghazali</p>
<p>2C</p>	<p><b>Cemburu dalam perhubungan seksual: Satu Pendekatan Kes Klinikal</b></p> <p>Perasaan cemburu dari segi romantik adalah emosi afektif yang kompleks yang serupa dengan perasaan sifat manusia yang lain yang sangat mendalam dalam hubungan intim. Perasaan romantik juga sangat diperlukan untuk kelestarian hubungan sosial. Cemburu berasaskan romantika boleh ditakrifkan "sebagai satu set pemikiran, perasaan dan tindakan yang kompleks yang mengikuti ancaman terhadap harga diri dan / atau mengancam kewujudan atau kualiti perhubungan." Ancaman ini dijana oleh persepsi tentang tarikan sebenar atau potensi antara rakan kongsi dan pesaing (mungkin khayalan). Kecemburuan yang berebihan sehingga tidak normal dikaitkan dengan senario jiwa seseorang yang tidak selamat, merasa cemas serta harga diri yang rendah. Masalah cemburu romantik boleh membawa masalah sekiranya ia dikaitkan dengan permasalahan alkohol dan penyakit perubatan. Ia berpotensi melibatkan masalah perhubungan dengan episod kekerapan pasangan yang intim bertindak di luar batasan. Ini bagi menjaga kepuasan, kualiti dan komitmen dalam hubungan. Pihak kami membincangkan keskes klinikal yang berkaitan dengan jenis-jenis cemburu dan bagaimana langkah menanganinya secara bijak.</p>	<p>dr. Wijaya Taufik Tiji</p> <p><b>KK: Cemburu, romantika, tindakan tingkah-laku, masalah</b></p>

<p>3C</p>	<p><b>Menakluk Sang Raksasa Bermata Hijau: Rawatan Psikofarmakologi dan Psikososial Menangani Masalah Cemburu Buta</b></p> <p>Manusia tidak terlepas daripada keadaan emosi yang luas seluas lautan. Emosi yang berpelbagaian ini termasuklah rasa cemburu. Rasa cemburu mempunyai kedua-dua dimensi kognitif dan tingkah laku bersifat analitik di mana seseorang itu merasakan, atau mengalami ancaman sebenar terhadap suatu keintiman hubungan. Memandangkan emosi kompleks ini menjadi tidak rasional dan tidak dapat dipertimbangkan, ia kemudiannya berubah menjadi sang <i>raksaksa bermata hijau</i> seperti dalam karya Shakespeare. Keadaan ini berbahaya dan dianggap sebagai kecemburuan patologi adalah satu bentuk khayalan, yang dipelihara oleh penalaran yang tetap dan palsu dalam hubungan intim yang terjalin kukuh pada asalnya. Kecemburuan patologi sama berlaku di kalangan kedua-dua jantina, dan didapati agak lebih besar di kalangan populasi warga emas. Peranan hiperaktiviti neurokimia <i>dopamine</i> di rantau fronto-parietal-temporal otak telah dikaitkan, dengan pemetaan anatomis korteks prefrontal ventero-medial (vmPFC), <i>cingulate gyrus</i> (CG), dan penglibatan <i>amygdala</i> dalam konteks neurobiologi penyakit. Etiologi kecemburuan patologi termasuk gangguan psikiatri utama, iaitu gangguan delusi, skizofrenia, gangguan mood, sindrom otak organik, dan antara lain, psikosis yang disebabkan oleh dadah. Peranan masalah hubungan dan perspektif psikodinamik, iaitu konflik psikologi dengan pergantungan pada pasangan romantis, dan harga diri yang rendah terlibat. Cemburu buta memerlukan penjagaan psikiatri forensik yang berisiko tinggi, yang membolehkan intervensi yang intensif, termasuk kemasukan ke hospital dan rawatan antipsikotik. Pilihan rawatan termasuk pengesanan awal, merawat penyakit neuropsikiatrik, pendidikan mengenai penyakit, psikoterapi kognitif, dan memilih ubat-ubatan psikofarmakologi yang berkesan. Strategi pengurusan juga boleh menggunakan intervensi geografi, iaitu pemisahan antara kedua-dua individu selain rawatan biologi bagi rawatan <i>raksaksa bermata hijau</i>.</p>	<p>Dr. Farah Deana Abdul Samad</p> <p><b>KK: Raksaksa bermata hijau, cemburu buta</b></p>
<p>4C</p>	<p><b>Hiperseksualiti yang diinduksi oleh rawatan Aripirazole: Siri Kes klinikal</b></p> <p>Baru-baru ini di Indonesia, penggunaan antipsikotik generasi kedua seperti risperidone, quetiapine, olanzapine, dan aripirazole telah menjadi lazim bagi rawatan skizofrenia. Walau bagaimanapun, gejala ekstrapirimal yang dikaitkan dengan antipsikotik, penambahan berat badan, dan disfungsi seksual sering menyebabkan penolakan penggunaan terapi ubat-ubatan. Justeru ini akan menyebabkan peningkatan dalam risiko relaps penyakit skizofrenia pada pesakit. Aripirazole, sebagai agonis peptik reseptor dopamin D<sub>2</sub>, sebagai agonis separuh di reseptor serotonin, 5-HT<sub>1A</sub>, dan antagonis pada reseptor serotonin 5-HT<sub>2A</sub>, adalah pilihan yang lebih baik dalam menangani disfungsi seksual dan sering digunakan untuk mengurangkan kesan sampingan yang berkaitan dengan komplikasi prolaktin. Disebabkan oleh aktiviti agonistik dopaminergik sebahagiannya, ubat ini boleh menyebabkan tingkah laku yang kompulsif seperti hiperseksualiti. Di dalam kajian ini, kami melaporkan kesan hipereksual yang disebabkan oleh terapi ubatan aripirazole dan gejala yang berkaitan dengan pesakit dengan skizofrenia. Dalam metodologi, kaedah kajian siri kes telah</p>	<p>dr. Sugiarto Halim</p> <p><b>KK: Aripirazole, hiperseksualiti, skizofrenia</b></p>

	<p>dijalankan oleh Jabatan Psikiatri di Hospital Dr.Hasan Sadikin Bandung, Jawa Barat Indonesia antara 1 Mac 2019 dan 31 Ogos 2019. Kajian ini dijalankan dengan memerhatikan rawatan pesakit dalam amalan klinikal secara tetap. Persetujuan bertulis bertulis diperoleh daripada semua peserta sebelum permulaan kajian. Keputusannya, selama tiga minggu rawatan di Hospital Dr.Hasan Sadikin, dua pesakit telah menunjukkan tingkah laku hiperseksual pada dos 10-15mg Aripiprazole dan seorang pula dilaporkan pada penggunaan pada dos 20 mg. Kesimpulannya, hubungan antara aripiprazole dan perilaku Hypersexual dicatat dalam semua kes. Dos yang tinggi menghasilkan kelakuan Hypersexual lebih awal, manakala dos sederhana hingga rendah menghasilkan tingkah laku hiperseksual di kemudian harinya. Oleh itu, penggunaan berhati-hati dan pengawasan rapat adalah wajar dalam penggunaan kronik aripiprazole.</p>	
5C	<p><b>Komunikasi Antara Keluarga-Remaja Tentang Seks: Antara Keperluan dan Nilai Budi Bahasa Dalam Konteks Malaysia</b></p> <p>Terdapat perkembangan pesat dan pemodenan di Malaysia selama 3 dekad yang lalu dan ini mungkin mempengaruhi nilai budaya dan amalannya. Matlamat kertas-sidang ini adalah untuk menerangkan bagaimana ibu-bapa di Malaysia berkomunikasi mengenai isu seks dengan para remaja. Ini merupakan satu kajian pelbagai kaedah (<i>mixed methods</i>) yang dijalankan di kalangan pelajar terpilih dari 12 kolej di sekitar Lembah Klang. Pelajar berusia antara 18 hingga 22 tahun menjawab 5 soalan dengan skala Likert dengan 5-titik yang menilai kekerapan komunikasi ibu bapa dan remaja tentang isu seksual. Seterusnya, mereka telah dijemput untuk ditemu-bual dengan mendalam menggunakan protokol berstruktur untuk memahami lebih lanjut tentang topik tersebut. Sebanyak 988 set soal selidik dengan respons lengkap disediakan untuk dianalisis. Nilai min untuk komunikasi ibu bapa dan remaja mengenai seks adalah rendah pada <math>7.3 \pm 3.9</math> dengan skor median 5 (IQR = 5-8) menunjukkan bahawa ramai ibu-bapa yang tidak bercakap tentang seks dengan anak remaja mereka. Lima belas pelajar aktif dan tidak aktif seksual terlibat dalam sesi temu-bual. Kebanyakan ibu-bapa masih berfikir konservatif dan ini menjelaskan kekurangan komunikasi antara ibu-bapa dan remaja mengenai seks. Isu seksual adalah topik "tabu", tidak wajar untuk berbincang secara terbuka dan anak-anak telah belajar dari sekolah. Jika dibincangkan, ibu- bapa akan menggunakan nilai sosio-budaya dan agama untuk membicarakannya dan tidak secara mendalam. Kesimpulannya, masih terdapat kekurangan komunikasi antara ibu-bapa dan remaja mengenai seks di kalangan keluarga Malaysia. Walaupun adanya arus pemodenan, ia adalah topik tabu yang tidak dibincangkan secara terbuka walaupun dengan anak-anak mereka yang semakin dewasa.</p>	<p>Profesor Madya Dr Noor Azimah Muhammad</p> <p><b>KK: Komunikasi, seksualiti, remaja</b></p>

<p>6C</p>	<p><b>'Lesbian, Gay, Bisexual dan Transgender (LGBT)': Antara Hak Individu dan Kesannya</b></p> <p>'Lesbian, gay, bisexsual dan transgender' atau LGBT kini menjadi satu fenomena yang diterima masyarakat sebagai satu konstruk sosial yang lumrah. Ia telah berkembang di seluruh dunia termasuk Malaysia. Proses normalisasi terhadap budaya ini sedang giat diusahakan. Kajian ini mengukap isu hak individu golongan LGBT dan kesannya terhadap diri, masyarakat dan negara. Isu dan hak: Di Barat, LGBT diiktiraf atas hak mereka. Banyak usaha untuk menghalalkan perkahwinan sejenis dari segi undang-undang. Di England, pasangan gay yang telah berkahwin secara berterusan memohon perkahwinan mereka disahkan secara undang-undang. Di Malaysia pula, Gabungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa (COMANGO) atau Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah mengemukakan beberapa tuntutan yang mendorong Malaysia mengiktiraf hak-hak orientasi seksual dan identiti jantina (SOGI). Seksualiti Merdeka adalah acara tahunan yang diadakan di Kuala Lumpur yang mempromosikan hak seksualiti. Kelab gay dan spa gay yang tidak sah telah beroperasi secara rahsia di Malaysia kerana permintaan yang tinggi. Kesan: LGBT bukan sahaja boleh memberi impak negative kepada diri, malah masyarakat dan negara. Homoseksual mempunyai purata jangka hayat yang lebih pendek selama 25 tahun daripada heteroseksual. Penyakit berjangkit seperti jangkitan HIV dan Hepatitis B boleh menimbulkan ancaman kepada kesihatan awam. Negara akan kehilangan produktiviti dan dinamik populasi akan terjejas akibat penurunan perkawinan heteroseksual dan generasi masa depan. Kesimpulannya, budaya LGBT tersebar dengan pantas dalam kalangan masyarakat Malaysia. Isu hak individu dan kesannya terhadap diri, masyarakat dan negara adalah besar. Oleh itu, pelbagai pihak harus berusaha bersama dalam menangani masalah ini dan menghalang normalisasi berlaku di negara kita yang tercinta.</p>	<p>Dr Abdul Rahman Ramdzan et al</p> <p><b>KK: LGBT, Hak individu, Kesan</b></p>
<p>7C</p>	<p><b>Ibarat Menarik Rambut Dalam Tepung: Cabaran Perkahwinan Orientasi Campuran (Mixed Orientation Marriage) di Indonesia</b></p> <p>Perkahwinan orientasi bercampur (MOM) melibatkan dua insan dengan orientasi seksual yang berbeza, biasanya antara seorang lelaki dan seorang wanita yang dicalonkan sebagai perkawinan heteroseksual. Konflik mungkin timbul selepas satu orientasi seksual pasangan dibongkar jsuteru akan menyebabkan pelbagai komplikasi, seperti perceraian atau sebagainya. Kami membentangkan kes klinikal tentang seorang wanita yang sudah berkahwin berusia 28 tahun yang dibawa ke Pusat Krisis Rumah Sakit Cipto Mangunkusumo selepas dia ditangkap melakukan hubungan seks dengan lelaki lain. Selepas pemeriksaan, dia mengakui mengalami hubungan seks kerana tidak berpuas hati dengan kehidupan seksualnya. Dia mengesyaki suaminya mungkin homoseksual dan terbukti halnya sedemikian. Perbincangan dengan para profesional kesihatan mental mungkin diperlukan untuk membantu pasangan MOM memproses perasaan, komitmen, dan keprihatinan mereka untuk mencapai hasil yang paling menguntungkan bagi kedua belah pihak. Kes-kes seperti ini mungkin mencabar dalam masyarakat dengan tekanan tegar untuk menyesuaikan dengan heteronormativiti. Akhirnya, memahami masalah MOM dan fleksibel terhadap seksualiti dapat meningkatkan perkhidmatan.</p>	<p>dr. Nicholas Hardi</p> <p><b>KK: Perkahwinan berorientasikan campuran, seksualiti, heteronormativiti, perkahwinan</b></p>



**EMPAT. Seksualiti Manusia: Metodologi Penyelidikan, Sudut Psikososial dan Seksualiti Melalui Internet (BILIK LATIHAN 1, ARAS 4, WISMA DBP)**

**Hakim: Profesor Dr. Shaiful Bahari Ismail & dr. Elvine Gunawan (PDSKJI)**

<p>1D</p>	<p><b>Metodologi Kajian Disfungsi Seksual Wanita di Kalangan Pesakit Barah Serviks: Satu Pendekatan Melalui Ulasan/ Kajian Semula Sistematik</b></p> <p>Barah ginekologi bukan sahaja antara penyebab kematian (mortaliti) utama akibat barah di dunia, tetapi juga antara barah yang dilaporkan semakin lazim di dunia, termasuk Indonesia dan Malaysia. Barah ginekologi juga antara sebab utama penderitaan dan morbiditi selain mortaliti. Walau pun, barah serviks ialah barah yang paling boleh dicegah berbanding barah lain menurut umum, sekiranya ia terjadi, ia memberikan dampak kepada pesakit dan keluarga. Selain daripada impak metastasis serta rawatan, pesakit mengalami tahap kualiti hidup yang rendah serta mengalami penyakit disfungsi seksual. Disfungsi seksual adalah masalah yang lazim dihadapi oleh pesakit barah ginekologi. Kebiasaannya, disfungsi seksual kurang dikenalpasti di kalangan pesakit barah ginekologi kerana terdapat pertindihan antara gejala ini dengan masalah lain seperti kecelaruan psikiatri. Ini termasuklah faktor risiko lain yang mampu menyumbang kepada disfungsi seksual. Antara perkara penting lain ialah sikap pesakit yang kurang selesa untuk menceritakan gejala yang dihadapi dan ketidakcekapan institusi kesihatan memberikan ujian saringan serta rawatan awal. Dengan menentukan faktor- faktor yang menyumbang kepada risiko disfungsi seksual dalam kalangan pesakit barah, hal ini membolehkan kita untuk memberi lebih perhatian dan mengenalpasti pesakit yang terdedah kepada disfungsi seksual serta menghasilkan strategi untuk mengesan penyakit pada peringkat awal, mencegah dan merawat masalah tersebut. Tujuan wacana ini dinukil ialah bagi membincangkan metodologi kajian ulasan sistematik (systematic review, SR) bagi melihat berapa mendalamnya permasalahan disfungsi seksual di kalangan pesakit barah serviks. Beberapa pendekatan standard bagi membuat kajian SR diterangkan selanjutnya. Pengkalan data elektronik PubMed dan Cochrane Library telah digunakan dalam kajian kami. Kami meneliti artikel jurnal yang diterbitkan hanya dalam Bahasa Inggeris antara Januari 2005 sehingga Disember 2016. Kajian ini terhad kepada artikel jurnal yang dinilai secara semakan-penilaian (peer-reviewed journal). Dapatan artikel jurnal-jurnal yang telah dilayari melalui internet tersebut adalah mengikut penakrifan dan carian dengan tapisan yang pertama, iaitu: "disfungsi seksual", "kanser serviks" dan " indeks fungsi seksual wanita".</p>	<p>dr Deo Purba</p> <p><b>KK: Kajian <i>systematic review</i>, barah serviks, seksualiti wanita</b></p>
<p>2D</p>	<p><b>Metodologi Kajian Disfungsi Seksual Wanita ke Atas Fungsi Seksual Lelaki - Kualiti Kehidupan dan Kepuasan Seksual: Satu Pendekatan Melalui Ulasan/ Kajian Semula Sistematik</b></p> <p>Disfungsi seksual di kalangan wanita adalah satu keadaan yang biasa berlaku kepada hampir 40% wanita seluruh dunia di usia subur mereka. Pelbagai kajian telah dilakukan untuk menunjukkan kesan sampingan masalah ini kepada kesihatan fizikal dan mental wanita. Namun belum ada lagi kajian yang sistematik dilakukan bagi melihat kesan disfungsi seksual wanita kepada pasangan heteroseksual mereka. Tujuan wacana ini adalah untuk membincangkan metodologi kajian secara sistematik</p>	<p>Dr Natasya Abdullah</p> <p><b>KK = Prevalens disfungsi seksual wanita dan lelaki, ulasan sistematik, kualiti hidup, hubungan perkahwinan</b></p>

	<p>(systematic review) untuk melihat prevalens dan juga hubungan langsung kesan disfungsi seksual di kalangan wanita kepada fungsi seksual pasangan mereka, kualiti hidup serta hubungan perkahwinan. Kami mencari kajian-kajian terdahulu dari beberapa pengkalan data seperti SCOPUS, OVID, EMBASE, EBSCOHOST dan PubMed dari penubuhan pengkalan data tersebut sehingga November 2019 menggunakan kata kunci seperti "disfungsi seksual wanita", "disfungsi seksual lelaki", "kualiti kehidupan" dan juga "hubungan perkahwinan". Kajian yang menggunakan reka bentuk pemerhatian terhadap masalah disfungsi seksual wanita dan kesannya keatas pasangan lelaki akan dipilih. Hasil primer (utama) yang akan dianalisis adalah prevalens pasangan lelaki yang menghadapi masalah ejakulasi pramatang dan juga disfungsi erektil manakala hasil sekunder (sampingan) adalah kualiti kehidupan dan juga hubungan perkahwinan. Faktor-faktor yang menyebabkan masalah tersebut berlaku pada pasangan lelaki akan diteliti. Sekurang-kurangnya 2 orang penyelidik akan meneliti kajian untuk disertakan dan mendapatkan data yang diperlukan secara berasingan. Risiko bias terhadap kajian yang disertakan akan ditaksir menggunakan Skala Newcastle Ottawa (NOS). Analisis data akan dijalankan secara naratif dan meta-analisis akan dilakukan jika mempunyai data kuantitatif yang bersesuaian dan bersifat homogenus.</p>	
3D	<p><b>Metodologi Kajian Hubungan Antara Trait Personaliti Dengan Disfungsi Seksual Wanita di Klinik Kesihatan Primer, Melaka, Malaysia</b></p> <p>Disfungsi seksual merupakan suatu masalah perubatan yang penting dan ia melibatkan pelbagai domain fungsi seksual manusia, iaitu kehendak seks, keterujaan seksual, klimaks, kepuasan seksual serta kesakitan ketika mengadakan hubungan seksual. Ia melibatkan pelbagai proses dalam domain respons kitaran seksualiti wanita. Disfungsi seksual merupakan masalah perubatan yang prevalens di kalangan wanita di negara Asia seperti Hong Kong, Jepun, Korea, Taiwan dan Singapura serta dilaporkan setinggi paras iaitu sebanyak 30%. Kajian di Malaysia pada 2007 juga menunjukkan prevalens disfungsi seksual yang tinggi dilaporkan di peringkat penjagaan kesihatan primer, iaitu 29.6%. Dalam kajian kami ini, didapati tidak terdapat kajian yang mengkaji hubung-kait di antara trait personaliti dengan disfungsi seksual. Justeru, kami akan menggunakan <i>The Five-Factor Model</i> sebagai pendekatan bagi kajian perhubungan dua elemen ini. Dilaporkan wanita yang mengalami disfungsi seksual akan juga mengalami tahap <i>neuroticism</i> dan rendah <i>extraversion</i>. Kami akan mengkaji hubungan antara disfungsi seksual di kalangan wanita di salah sebuah pusat penjagaan primer di Melaka dengan trait personaliti. Sebanyak tiga pusat kesihatan di Melaka iaitu Klinik Kesihatan Ayer Molek, Klinik Kesihatan Cheng serta Klinik Kesihatan Bukit Baru dipilih, yang mewakili golongan responden dari kawasan separa urban dan kampung. Pelbagai soal-selidik seperti <i>Malay version of Female Sexual Function Index</i> (MVFSFI) untuk mengenalpasti disfungsi seksual, <i>Malay version of Big 5 Inventory</i> (BFI) untuk menilai personaliti, <i>Malay version of Generalized Anxiety Disorder Scale</i> (GAD – 7) untuk ujian saringan keresahan akan digunakan.</p>	<p>Dr Wan Saffana Wan Mohtar</p> <p><b>KK: Disfungsi seksual wanita, penjagaan klinik primer, trait personaliti, Melaka</b></p>

<p>4D</p>	<p><b>Sexting dan Masalah Emosi Perilaku pada Remaja Indonesia di Era Revolusi Industri 4.0: Sebuah Serial Kasus dari Perspektif Psikososial</b></p> <p>Sexting adalah perilaku digital berupa berbagi gambar, video, atau pesan yang secara eksplisit yang mengandung muatan seksual melalui gadget (gawai) atau dunia maya. Sexting pada remaja merupakan fenomena baru di Era Revolusi Industri 4.0 yang memerlukan perhatian, baik dari kalangan pihak berkuasa kesihatan, social mahupun pendidikan. Sexting dapat menjadi pintu gerbang dari perilaku seksual berisiko pada remaja, baik yang tinggal di kota mahupun di desa. Serial kasus ini menyajikan dua buah paparan kasus yang dijumpai di praktek klinis psikiatri anak dan remaja di Jakarta Indonesia. Tujuan dari penulisan ini adalah melakukan analisis psikososial terhadap karakteristik sexting yang datang sebagai masalah emosi perilaku di layanan kesehatan jiwa anak dan remaja rumah sakit. Kasus 1: Seorang remaja laki-laki, usia 14 tahun dengan keluhan menolak sekolah (school refusal) dan memiliki masalah penggunaan internet yang berlebihan. Orangtua mendapati beberapa kandungan pornografi di dalam ponselnya yang diperoleh secara berbagi antar teman sebaya di internet. Kasus 2: Seorang remaja laki-laki, usia 15 tahun dengan masalah dikeluarkan dari sekolah karena mengirimkan kandungan pornografi ke seluruh teman sekolah berupa video telanjang dari pacarnya. Tindakan tersebut dilakukan sebagai "porn revenge" atau unsur sakit hati telah diputuskan hubungan pacaran oleh pacarnya itu. Berdasarkan analisis dalam perspektif psikososial, dijumpai bahwa sexting pada remaja tidak dapat dilepaskan dari peranan pola asuh orangtua, aspek biologis dalam perkembangan psikologis remaja, krisis identitas, pemakaian gajet yang tidak terkawal, lingkungan sosial di sekolah, dan pendidikan agama. Kesimpulannya, faktor psikososial tidak dapat dilepaskan sebagai kontributor dari perkembangan sexting dan masalah emosi perilaku pada remaja milenial saat ini. Perlunya model kebijakan dalam upaya preventif berbasis "school based mental health" yang bersinergi dari segenap pemangku kebijakan baik di bidang kesehatan, sosial, dan pendidikan bagi perilaku digital remaja di Era Revolusi Industri 4.0.</p>	<p>dr. Isa Multazam Noor</p> <p><b>KK: Sexting, masalah emosi psikososial, perilaku, remaja</b></p>
<p>5D</p>	<p><b>Seks, Hubungan dan Keintiman Selepas Pasangan Menimang Cahaya Mata di Indonesia</b></p> <p>Perubahan dalam hubungan seks dan hubungan sesama pasangan selepas bersalin mungkin penting terutamanya untuk pasangan yang menjadi ibu bapa buat kali pertama. Seksualiti adalah sebahagian daripada hubungan intim pasangan. Tanggungjawab keibubapaan boleh menjejaskan hubungan intim pasangan itu. Perhubungan seksual selepas bersalin pada wanita menggambarkan sebagai berikut: Libido kembali normal untuk kebanyakan wanita dalam tempoh empat minggu kelahiran dan, pada enam minggu, fungsi seksual telah kembali ke tahap pra-kehamilan. Seksualiti lelaki berbeza dari stereotaipnya, di mana persepsi kehidupan seksual selepas melahirkan anak untuk merangkumi semua jenis perhubungan keintiman dan sentuhan. Kehidupan ibu bapa boleh mencabar tetapi juga memberi ganjaran. Lelaki dan wanita bertindak balas terhadap stres secara berbeza, oleh itu ia boleh mempengaruhi pengalaman mereka terhadap kepuasan seksual sebelum kedatangan seorang anak. Maklumat yang tidak mencukupi mengenai kehamilan dan melahirkan anak menyumbang kepada tekanan psikologi kepada ibu</p>	<p>dr. Angke Rafalrizki</p> <p><b>KK: Melahirkan, selepas bersalin, seksualiti, hubungan</b></p>

	<p>bapa. Kedatangan ahli keluarga baru boleh menyebabkan masalah psikoseksual dan perkahwinan. Ibu bapa perlu dapat berkomunikasi tentang keperluan, keintiman dan kesejahteraan agar hubungan seks mereka boleh dipertingkatkan. Maklumat mengenai seksualiti dan hubungan selepas bersalin harus tersedia untuk semua orang. Satu pengumuman khusus bagi tujuan pendidikan adalah diperlukan untuk isu sensitif ini. Hubungan pasangan yang tidak puas hati harus ditangani semasa lawatan perubatan ke klinik-klinik. Penyedia penjagaan kesihatan harus membincangkan perkara semasa lawatan pranatal dan postnatal. Kajian ini menggambarkan kualiti seks mempengaruhi keintiman hubungan pasangan. Penilaian kualiti hubungan semasa lawatan selepas bersalin diperlukan. Pendidikan, kaunseling, dan sokongan dapat meningkatkan kualiti hubungan setelah melahirkan anak.</p>	
6D	<p><b>Aspek Psikososial dan Budaya Terhadap Fenomena Poligami: Satu Tinjauan Literatur</b></p> <p>Poligami merupakan sistem perkawinan di mana seseorang menikah dengan lebih dari satu pasangan dalam waktu yang bersamaan. Berlawanan dengan monogami, yaitu seseorang hanya memiliki satu pasangan pada suatu waktu. Pada prinsipnya ada tiga bentuk poligami yaitu poligini, poliandri, dan perkawinan kelompok. Poligini adalah sistem perkawinan satu laki-laki menikah dengan beberapa isteri. Poliandri adalah seorang wanita menikah dengan beberapa suami. Sedangkan perkawinan kelompok adalah perkawinan beberapa suami dengan beberapa isteri, yaitu kombinasi poligini dan poliandri. Dewasa ini poligami biasanya digunakan untuk menggantikan kata poligini.</p> <p>Di Indonesia fenomena poligami terjadi dan dipengaruhi berbagai faktor yaitu faktor budaya, agama, dan hukum. Beberapa budaya yang mempengaruhi praktik poligami di Indonesia diantaranya adalah pada suku Jawa yang merupakan warisan budaya dari kerajaan Hindu dan Islam, kemudian budaya Basurung di Kalimantan Selatan dan budaya poligami suku Yali di Papua. Sebagai negara yang mayoritasnya Muslim yang membolehkan praktik poligami memberikan pengaruh terhadap perkembangan poligami, di Indonesia, poligami adalah legal dan diperbolehkan negara lewat hukum UU Perkawinan Nomor 1 Tahun 1974 Pasal 3 ayat 2 dengan syarat tertentu.</p> <p>Aspek psikoseksual poligami dijelaskan bahwa fungsi sexual pria yang berpoligami memiliki skor yang lebih tinggi dibandingkan dengan pria monogami menggunakan pegujian swa-laporan soalan IIEF (International Index of Erectile) dan EFD (Erctile Function Domain) dan status psikologi pria poligami menunjukan skor depresi Beck Depression Inventory (BDI) yang rendah dibandingkan pria monogamy. Sedangkan pernikahan poligami menunjukan bahwa transisi dari struktur keluarga monogami ke poligami dapat memenjadi perubahan traumatis bagi isteri senior atau istri tua dan skor depresi yang tinggi pada wanita (isteri senior) dengan perkawinan poligami dibandingkan wanita dengan perkawinan monogami.</p>	<p>dr. Qurrota Ayun</p> <p><b>KK: Poligami, Poligini, Budaya , Sejarah Poligami, Psikoseksual dan Kesehatan Mental</b></p>

	<p style="text-align: center;"><b>Potensi campuran zat aprodisiak alamiah dari Indonesia untuk pengobatan disfungsi seksual</b></p> <p>Disfungsi seksual merupakan masalah kesehatan yang banyak dijumpai pada hampir separuh laki-laki di seluruh dunia dengan angka prosentase sebesar 52%. Masalah disfungsi seksual yang umum dijumpai pada individu laki-laki biasanya berupa impotensi atau gangguan disfungsi ereksi dan gangguan hasrat seksual hipoaktif. Hal ini tentu dapat mempengaruhi kualitas dan kepuasan dari kehidupan seksual pasangan suami istri. Zat aprodisiak adalah bahan alamiah yang terdapat di sekitar lingkungan manusia dan memiliki potensi untuk meningkatkan kenikmatan seksual. Sejumlah tinjauan telah melaporkan tentang bukti ilmiah yang mendukung penggunaan zat aprodisiak dalam mengatasi keluhan disfungsi seksual. Laporan studi ini bertujuan untuk memberikan data mengenai potensi dari suplemen vitalitas yang berisi campuran zat aprodisiak alamiah dari Indonesia untuk pengobatan disfungsi seksual. Kajian ini merupakan tinjauan dan laporan penggunaan suplemen vitalitas dari Indonesia yang mengandung kombinasi tiga zat aprodisiak (<i>Eurycoma longifolia</i>, <i>Centella asiatica</i>, dan <i>Zingiber officinale</i>) bagi masalah disfungsi seksual pada individu laki-laki. Kombinasi dari campuran zat aprodisiak dapat menjadi pilihan obat herbal dalam meningkatkan kemampuan seksual berupa kekuatan batin individu laki-laki yang alami disfungsi seksual. Selain mengatasi masalah seksual, zat aprodisiak juga memiliki potensi untuk menurunkan stres (keresahan dan kemurungan), penguatan syaraf serta mengatasi masalah daya ingat (memori).</p>	<p>dr Andi Takwa &amp; Yusuf Bachmid</p> <p><b>KK: Zat aprodisiak alamiah, seksual, Indonesia</b>      <b>aprodisiak disfungsi laki-laki,</b></p>
	<p style="text-align: center;"><b>Dilema lelaki 'mati pucuk' malam pertama</b></p> <p>Apabila suami gagal untuk melakukan seks penetratif pada malam pertama maka keadaan itu dikenali sebagai mati pucuk malam pertama. Memandangkan peranan lelaki penting bagi melancarkan bahtera intimasi, keupayaannya untuk melakukan seks penetrative amat penting, kegagalan akan mencetuskan krisis rumahtangga dan jika tidak dapat diselesaikan akan bawa perceraian. 70 peratus lelaki yang mengalami masalah itu menghadiri Klinik Kesihatan Lelaki, Hospital Servis Damai, Kuala Lumpur dirujuk oleh pasangan mereka dan yang 30 peratus lagi hadir secara sendiri. Sebilangan besar klien lelaki teruna dan mereka mencuba seks penetrative mengikut kefahaman sendiri. Sebilangan besar mereka cuba penetrasi dengan bantuan pasangan. Perkara yang biasa berlaku ialah ejakulasi cepat sebelum tusuk atau rasa halangan depan pintu faraj dan zakar langsung kendur. Sebilangan lagi tidak dapat kekalkan ereksi langsung. Percubaan untuk mengulangi berakhir dengan kegagalan. Sebilangan besar lelaki tersebut pernah dapat rawatan 'tradisional' seperti urutan dengan herba dan air jampi dan sebilangan lagi pernah mencuba ubat 'kuat' sebelum hadir ke klinik. Dari pemeriksaan yang telah dijalankan, lelaki yang didapati sihat dan dapat tahap ereksi (mengikut grad kekerasan) 3 dan 4 yang pasangan wanita mengalami 'vaginismus', pasangan wanita dirujuk kepada pakar Sakitpuan. Lelaki yang mengalami 'disfungsi erektil' akibat keresahan beraksi (performance anxiety) diberi bimbingan dan tunjukajar tentang seks penetratif dan diberi ubat pelancar darah PDE-5. Sebilangan klien lelaki yang didapati mempunyai otot lantai pelvis yang lemah, mereka telah diberi ajar dan bimbingan tentang senaman "Kegel" untuk membina kepadatan otot untuk memadatkan zakar. Kesudahannya mati pucuk malam pertama dapat penyelesaian yang membina.</p>	<p>Dr. Mohd Ismail Tambi EAA. Klinik Kesejahteraan Lelaki, Damai Service Hospital, Kuala Lumpur</p>



# SEXUAL DYSFUNCTION AND ASSOCIATED FACTORS AMONG EXCLUSIVELY BREASTFEEDING MALAYSIAN WOMEN

**Jamani NA<sup>1</sup>, Khalid NN<sup>1</sup>, Abd. Aziz KH<sup>2</sup>, Draman N<sup>3</sup>**

<sup>1</sup> Department of Family Medicine, Kulliyah of Medicine, International Islamic University Malaysia, Kuantan Pahang Malaysia

<sup>2</sup> Department of Community Medicine, Kulliyah of Medicine, International Islamic University, Malaysia, Kuantan Pahang Malaysia


<sup>3</sup> Department of Family Medicine, School of Medicine, Health Campus, Universiti Sains Malaysia, Kota Bharu, Kelantan Malaysia



# INTRODUCTION

- Female sexual dysfunction (FSD) defined as distress caused by the unwanted presence or absence of sexual desire, sexual arousal, orgasm and/or associated sexual pain disorder<sup>1</sup>.
- FSD has a high prevalence regardless of age <sup>1</sup>
- Hypoestrogenism and hyperprolactaemia is postulated to cause FSD during breastfeeding<sup>2</sup>

## PREVALENCE OF SEXUAL DYSFUNCTION AMONG POSTPARTUM WOMEN





# Literature Review

Authors	Findings
Barrett et al., 2000 (UK) <sup>3</sup>	Dyspareunia at 6 months was associated with breastfeeding.
Yee, Kaimal, Nakagawa, & Houston, 2013 (USA) <sup>4</sup>	Breastfeeding was associated with poor sexual functioning at 6-8 months postpartum.
Fuentealba-Torres M, et al., 2019 (Brazil) <sup>5</sup>	Factors associated FSD and breastfeeding: low importance on sexual intercourse, limited communication with the partner, decreased frequency of sexual intercourse and low quality of life





# EXISTING RESEARCHES

>5 years

Mostly into prevalence

Gap

Limited study on breastfeeding mothers

Prevalence and factors associations with FSD have not been studied specifically in breastfeeding women and hence, the situation is unknown in Malaysia.



# OBJECTIVES

01



To measure the prevalence of sexual dysfunction among exclusive breastfeeding women in Kuantan.

02




To determine types of sexual dysfunction among exclusive breastfeeding women in Kuantan.

03



To determine factors associated with sexual dysfunction among exclusive breastfeeding women in Kuantan

# METHODOLOGY



## INCLUSION

- 1. Woman who is currently breastfeeding their child exclusively
- 2. Woman age  $\geq 18$  years
- 3. Married woman that has sexually active partner

## EXCLUSION

- Exclusive Breastfeeding woman with severe and chronic medical illness
- uncontrolled HPT, DM
  - chronic renal disease
  - psychiatric illness.



# METHODOLOGY



## DATA COLLECTION

MVFSI  
19 items (6 domains)  
Total score: 95  
≤ 55:sexual dysfunction.



## DATA ANALYSIS

SPSS version 22  
Descriptive :  
prevalence and  
types of SD  
Factor associated  
: MLR



## ETHICS

ETHICS  
(NMRR-17-  
2672-39103)  
(IREC 2017-  
060)



## FUND

RIGS 17-  
061-  
0636



# RESULTS



## SOCIODEMOGRAPHIC

### RACE

94.4% Malays



### HOUSEHOLD INCOME

67% B40



2.5



78.7%

### AGE

30 years old




### MARRIAGE

5 years



### EDUCATION

53.8% Secondary Education Or Lower




55.7%

# RESULTS & DISCUSSION



Prevalence of sexual dysfunction among exclusively breastfeeding women in primary care clinics in Kuantan, Pahang



**37.6%**




= 197  
respondents

- Comparable with general population- 29.6% (Sidi et al., 2007) and 25.8% (Ishak, Low, & Othman, 2010)
- Lower compared to Brazil- 58.3% (Fuentealba-Torres M, et al., 2019)
- This could be due to different culture background and sociodemographic background.

# RESULTS & DISCUSSION



## TYPES OF FSD



- Lubrication Disorder
- Desire disorder
- Pain disorder
- Arousal disorder
- Orgasmic disorder
- Sexual dissatisfaction

## ASSOCIATED FACTORS OF FSD

No significant association with age, parity, duration of marriage, level of education, economic status, mode of delivery and contraception.

## DISCUSSION

- Lubrication is the most common-similar findings to others
- Atrophic changes due to  $\uparrow$  prolactin,  $\downarrow$  E2,  $\uparrow$  vaginal pH  $\rightarrow$  poor lubrication  $\rightarrow$  dyspareunia
- Consistent with Fuentealba-Torres M, et al., 2019- age, SES & duration of marriage were insignificant
- In contrast, study in USA showed **multiparity** was associated with increased likelihood of early resumption of intercourse<sup>4</sup>.
- **Combined contraceptives** had higher prevalence of causing sexual dysfunction than other forms of contraception.<sup>8</sup>
- Our small sample size can be a reason for not observing any significant differences



# CONCLUSION




## LIMITATION

- Predominantly Malay population
- Cross sectional study : no causal relationship

## Recommendation

Sexual satisfaction should be discussed during postnatal visits.







# REFERENCES

1. Basson R. The female sexual response: a different model. *J Sex Marital Ther* 2000;26:51–65.
2. Leeman LM, Rogers RG. Sex after childbirth: postpartum sexual function. *Obstet Gynecol* 2012;119:647–55.
3. Barrett, G., Pendry, E., Peacock, J., Victor, C., Thakar, R., Manyonda, I. (2000). Women's sexual health after childbirth, *BJOG*, 107(2), 186–95.
4. Yee, L. M., Kaimal, A. J., Nakagawa, S., & Houston, K. (2013). Predictors of Postpartum Sexual Activity and Function in a Diverse Population of Women. *Journal Midwifery Women's Health*, 58(6), 653–661
5. Fuentealba-Torres M, Cartagena-Ramos D, Fronteira I, et al. What are the prevalence and factors associated with sexual dysfunction in breastfeeding women? A Brazilian cross-sectional analytical study. *BMJ Open* 2019;
6. Hatta, S., Wp, S. E., Marhani, M., & Norni, A. (2007). Sexual Arousal Problem Among Malaysian Women in a Primary Care Setting. *Malaysian Journal of Psychiatry*, 16(2), 3–10.
7. Ishak, I. H., Low, W.-Y., & Othman, S. (2010). Prevalence, Risk Factors, And Predictors Of Female Sexual Dysfunction In A Primary Care Setting: A Survey Finding. *The Journal of Sexual Medicine*, 7, 3080–3087.
8. Burrows, LJ., Basha, M., Goldstein, AT. (2012). The Effects of Hormonal Contraceptives on Female Sexuality : A review. *J Sex Med* , 9(9), 2213–2223



THANK YOU

# **SEXUAL DYSFUNCTION AND ASSOCIATED FACTORS AMONG EXCLUSIVELY BREASTFEEDING MALAYSIAN WOMEN**

**Authors: Jamani NA<sup>1</sup>, Khalid NN<sup>1</sup>, Abd. Aziz KH<sup>2</sup>, Draman N<sup>3</sup>**

<sup>1</sup> Department of Family Medicine, Kulliyah of Medicine, International Islamic University Malaysia, Kuantan Pahang Malaysia

<sup>2</sup> Department of Community Medicine, Kulliyah of Medicine, International Islamic University, Malaysia, Kuantan Pahang Malaysia

<sup>3</sup> Department of Family Medicine, School of Medicine, Health Campus, Universiti Sains Malaysia, Kota Bharu, Kelantan Malaysia

**Introduction:** Sexual dysfunction is prevalent among postpartum women. It has been attributed to multifactorial cause. This study aims to assess sexual dysfunction and its associated factors among exclusively breastfeeding postpartum women.

**Methods:** Exclusively breastfeeding women who had given birth during the previous 6 months were invited to participate in this study. A questionnaire included a background section and Malay version of the Female Sexual Function Index (MVFSFI) was used. Responses from 197 women were analyzed.

**Results:** More than a third of women (37.6%) reported that they had experienced sexual dysfunction during the first 6 months of exclusively breastfeeding. The most prevalent types of sexual dysfunction reported by affected women are lubrication disorder (53.3%), pain disorder (49.7%) and desire disorder (41.1%). We found no correlation between female sexual dysfunction with age, parity, mode of delivery and duration of breastfeeding among exclusively breastfeeding women.

## **Conclusions:**

This study found that the prevalence of female sexual dysfunction is moderate among exclusively breastfeeding women. Sexual satisfaction should be encouraged to be discussed during postnatal visits by women and healthcare providers.

**Keywords:** Female sexual dysfunction, breastfeeding women, Malaysia